

PERJUANGAN MELALUI PERSATUAN

Sumbangan Persatuan Melayu

Kesatuan Melayu Singapura	• Bertujuan memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam politik dan pendidikan serta mementingkan pelajaran teknik dan pengajian tinggi. • Kejayaan KMS mendorong penubuhan Persatuan negeri lain. • Bekerjasama dengan British dan meminta supaya lebih banyak peluang diberikan kepada orang Melayu dalam pentadbiran.
---------------------------	--

Sumbangan Persatuan Melayu

Persaudaraan Sahabat Pena	Di Semenanjung Tanah Melayu • Ditubuhkan bagi menggalakkan ahlinya untuk bersatu dan bertukar-tukar pendapat. • Berusaha menyatukan pergerakan orang Melayu melalui kongres dan persidangan Di Sarawak • Muhammad Rakawi Yusuf adalah antara pengasas PASPAM cawangan Kuching. Di Sabah • Kebanyakan ahli PASPAM di Sabah terdiri daripada guru sekolah Melayu, pegawai rendah kerajaan dan peniaga.
---------------------------	--

Sumbangan Persatuan Melayu

Kesatuan Melayu Muda (KMM)	• Ditubuhkan hasil daripada gagasan Ibrahim Haji Yaakob pada bulan Mei 1937. • Berhasrat untuk menentang British dengan mewujudkan satu gagasan yang dinamakan Melayu Raya melalui gabungan Tanah Melayu dan Indonesia. • KMM dianggap radikal oleh British kerana berani menyuarakan penentangan terhadap kerajaan kolonial
----------------------------	--

Sumbangan Persatuan Masyarakat Cina dan India

Cina	• Sebelum Perang Dunia Kedua, masyarakat Cina menumpukan perhatian kepada keadaan yang berlaku di China. • Terdapat masyarakat Cina yang memberikan perhatian kepada kebajikan dan perkembangan politik tempatan di negara kita. • Contohnya, masyarakat Cina yang dilahirkan di NNS atau Cina Peranakan. • Tan Jiak Kim menubuhkan Persatuan Orang Cina Peranakan British (SCBA) di NNS.
------	---

Sumbangan Persatuan Masyarakat Cina dan India

India	• Beberapa pertubuhan awal ditubuhkan bagi menjaga kepentingan masyarakat India di Tanah Melayu. • Persidangan India Se-Malaya diadakan di Kuala Lumpur dan diikuti oleh negeri lain. • G.V. Thaver menubuhkan <i>Malayan Indian Association</i> (MIA), khusus bagi golongan India yang dilahirkan di Tanah Melayu.
Sikh	• Masyarakat Sikh terlibat sebagai pasukan keselamatan menjadikan berek polis atau kuarters kerajaan serta gurdwara sebagai tempat aktiviti sosial dan keagamaan. • Khalsa Diwan Malaya ditubuhkan di Taiping, Perak untuk menjaga kepentingan masyarakat Sikh.

Mengapakah Kesatuan Melayu Singapura mengamalkan sikap bekerjasama dengan British?

- A Memohon bantuan ekonomi
- B Mengurangkan tekanan politik
- C Memudahkan kemerdekaan negara
- D Mendapat peluang dalam pentadbiran

Sebelum Perang Dunia Kedua imigran asing semakin ramai di Tanah Melayu. Mereka menumpukan perhatian dan taat setia mereka kepada

- A Tanah Melayu
- B negeri Selat
- C negara asal
- D British

Mengapakah British menganggap Kesatuan Melayu Muda sebagai radikal?

- A Menyekat pengaruh komunis
- B Menentang pendudukan Jepun
- C Menghalang kemasukan imigran
- D Menyuarakan tentangan terhadap British

Kesatuan Melayu Muda (KMM); ditubuhkan oleh Ibrahim Haji Yaakob. Apakah gagasan kesatuan tersebut?

- A Nusantara
- B Melayu Raya
- C Asia Tenggara
- D Malaysia

Kesatuan Melayu Singapura (KMS) yang ditubuhkan pada tahun 1926, bertujuan menggalakkan ahlinya

- A bergerak aktif dalam pentadbiran
- B Menentang pentadbiran British
- C Bekerjasama dengan British
- D Menuntut kemerdekaan

2.8 KESAN PERKEMBANGAN NASIONALISME

KESAN POLITIK

Peluang dalam Pentadbiran

- Bilangan orang Melayu dalam *Malayan Civil Service* (MCS) bertambah daripada tujuh orang pada tahun 1930 kepada 20 orang pada tahun 1937.

Dasar desentralisasi

- Dasar ini cuba mengembalikan kuasa sultan, residen dan Majlis Mesyuarat Negeri
- Kesannya, orang Melayu mula menyuarakan kepentingan berpersatuan bagi membincangkan soal politik

Kemunculan masyarakat India yang dilahirkan di Tanah Melayu

- Mereka lebih gemar dikenal sebagai "Straits born people"
- Mereka berusaha untuk membentuk identiti tersendiri.

Sekatan British terhadap Perkembangan Nasionalisme

- Tokoh seperti Ibrahim Haji Yaakob, ditangkap dan dipenjarakan di Singapura pada tahun 1941.

Gesaan Kaum Muda terhadap Masyarakat Melayu

- Memajukan diri dalam pendidikan dan ekonomi
- Tertubuhlah persatuan kebajikan bernama al-Jamiah al-Khairiah Singapura.

Penekanan dalam Pendidikan

- Za'ba kerap membangkitkan isu pendidikan semasa mengajar di SITC.
- Beliau menyedarkan guru pelatih akan pentingnya pendidikan tinggi dan kurikulum bahasa Inggeris

Peranan Akhbar Berbahasa Inggeris

- Seperti The Malay Mail dan The Malaya Tribune berusaha untuk mengasaskan dana bagi membantu orang Melayu melanjutkan pelajaran di luar negara.
- Antara orang Melayu melanjutkan pelajaran ke luar negara dengan dana ini ialah Tunku Abdul Rahman.

KESAN SOSIAL

Tuntutan untuk Mendapatkan Peluang Pendidikan

- Disuarakan melalui akhbar, majalah dan pesatuan.

Peningkatan Jumlah Lulusan SITC

- Menunjukkan peningkatan daripada 58 orang pada bulan Mac 1924 kepada 141 orang pada bulan September 1940.

Penglibatan Masyarakat Cina

- Tan Cheng Lock yang menganggotai Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat (SSLC) menuntut British menjaga kebajikan dan menyediakan dana untuk belajar dalam kalangan masyarakat Cina.

Kemunculan Ramai Guru Wanita

- Guru wanita di Johor Bahru menerbitkan majalah Bulan Melayu untuk memuatkan berita kemajuan dan pendidikan wanita.

Penubuhan Persatuan Masyarakat India dari Ceylon

- Untuk menjaga kebajikan mereka.

Akhbar berbahasa Ingeris mengasaskan dana bagi membantu orang Melayu melanjutkan pelajaran di luar negara ialah

- I. The Malaya Tribune
- II. The Modern Daily
- III. The Strait Time
- IV. The Malay Mail

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Apakah majalah yang digunakan oleh Ibu Zain untuk mengingatkan wanita Melayu berkaitan dengan kepentingan ilmu pengetahuan untuk mengangkat martabat wanita?

- A Bulan Melayu
- B Ia kah Salmah
- C Guru
- D Ibu

Lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris menunjukkan peningkatan daripada 58 orang pada tahun 1924 kepada 141 orang pada tahun 1940. Apakah kesan peningkatan tersebut?

- A Meningkatkan taraf hidup
- B Melahirkan tokoh agama
- C Menambah pekerjaan
- D Menyemarakkan nasionalisme

Apakah bukti kejayaan perjuangan kaum muda dalam bidang ekonomi?

- A. Dasar Desentralisasi diperkenalkan
- B. Berkurangnya pengaruh golongan radikal
- C. Penglibatan orang Melayu dalam *Malayan Civil Service*
- D. Persatuan kebajikan al-Jamiah al-Khairiah ditubuhkan